

U 5841 ULS
MAHATHIR - USNO R'R'R'

KOTA KINABALU, 18 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INIMENINGATKAN RAKYAT SABAH TENTANG BAHAYA MEMAINKAN SENTIMEN AGAMA DAN PERKAUMAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK.

+SABAH ADALAH NEGERI YANG RAKYATNYA BERBILANG KAUM DAN AGAMA. MEMAINKAN SENTIMEN KAUM DAN AGAMA SAMA ERTINYA DENGAN MENYALAKAN API YANG TIDAK AKAN DAPAT DIPADAMKAN,+ TEGASNYA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG USNO YANG KE-22 DI DEWANPERDANA,WISMA MUIS, DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATKAN PARTI-PARTI POLITIK DI NEGERI INI SUPAYA TIDAK MENGOBARKAN SENTIMEN ITU.

BELIAU KESAL KERANA ADA SESETENGAH PEMIMPIN POLITIK SABAH YANG MENIMBULKAN PERASAAN ANTI-MALAYSIA .SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN KUASA DAN KEKAYAAN BAGIDIRI SENDIRI.

+SABAH ADALAH NEGERI YANG SANGAT MUNDUR SEMASA DI BAWAH PENJAJAHAN. TIDAK ADA BANGUNAN YANG SEPERTI INI KETIKA ITU, TIDAK ADA JALAN YANG BAIK DAN TIDAK ADA LAPANGAN TERBANG,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1728MST 18 01 90

HAHATHIR - USNO 2 KOTA KINABALU R'R'R'

+MALAHAN TIDAK ADA RAKYAT SABAH YANG BERPELAJARAN, TIDAK ADA YANG BERGELAR DOKTOR. TIDAK MUNGKIN MEREKA KE LUAR NEGERI UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH DAN PELAJARAN TINGGI.

+MALANGNYA, SELEPAS MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN RAMAI RAKYAT YANG MULA MENDAPAT PELAJARAN TINGGI, ADA DOKTOR YANG LUPA AKAN NIKMAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA KEMERDEKAAN MELALUI MALAYSIA DAN MEMBANGKITKAN RASA ANTI-MALAYSIA+.

PERDANA MENTERI MENAFIKAN DENGAN TEGAS DAKWAAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT BERSIFAT PILIH KASIH TERHADAP SESETENGAH NEGERI.

KATANYA, MEREKA YANG MENGEMUKAKAN DAKWAAN SEPERTI ITU HENDAKLAH INGAT BAHAWA KERAJAAN PUSAT MEMBANTU SEMUA KERAJAAN NEGERI UNTUK KEHAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

NEGERI-NEGERI YANG MISKIN DAN LEBIH MEMERLUKAN BANTUAN TENTULAH HENDAPAT PERUNTUKAN YANG LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI YANG KAYA. -- LAGI.

1733MST 18 01 90

D156

U B645 DEB

MAHATHIR - USNO 3 KOTA KINABALU R'R'R'

+KALAU NEGERI-NEGERI YANG KAYA MERASA TIDAK PUAS HATI DAN HENDAK MERDEKA SENDIRI, INGATLAH BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MENGEKAL DAN MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN ITU+, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA NEGARA AKAN LEMAH DAN MUNGKIN BERPECAH-BELAH JIKA NEGERI-NEGERI HANYA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN SENDIRI.

MENGENAI DAKWAAN BAHAWA RAKYAT SABAH TIDAK DIBERI PELUANG MENYANDANG JAWATAN-JAWATAN KERAJAAN PUSAT DAN JAWATAN-JAWATAN PENTING DI SABAH PULA DISANDANG OLEH +ORANG LUAR+, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KITAMAHU PEGAWAI-PEGAWAI SABAH BERKHIDMAT DI SEMUA NEGERI DI MALAYSIA DAN SEBALIKNYA PEGAWAI-PEGAWAI DARI NEGERI-NEGERI LAIN JUGA BERKHIDMAT DI SABAH.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENAFIKAN BAHAWA KERAJAAN BERSIKAP PILIH KASIH DALAM MENEGAKKAN UNDANG-UNDANG NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN PERLU MEMASTIKAN SEMUA UNDANG-UNDANG NEGARA DIPATUHI. +KITA TELAH MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ORANG-ORANG KERAJAAN SENDIRI. ADA PEMIMPIN SATU PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG DIPENJARAKAN SELEPAS DIDAPATI BERSALAH+. -- LAGI.

1738MST 18 01 90

D157

U B646 DEB

MAHATHIR - USNO 4 KOTA KINABALU R'R'R'

+MALANGNYA, ADA PIHAK YANG DISIASAT MENDAKWA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN ITU KERANA KEPENTINGAN DAN MOTIF POLITIK+.

+ADA ORANG YANG SEKARANG SANGAT KAYA, PADAHAL DAHULU TIDAK. MEREKA YANG KAYA TENTULAH MESTI MEMBAYAR CUKAI. JIKA MEREKA ENGGAN MEMBAYAR, SIASATAN AKAN DIBUAT UNTUK MEMASTIKAN DARIMANA KEKAYAAN ITU DIDAPATI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA JIKA JENAYAH BERLAKU, KERAJAAN MESTI MENYIASAT DAN MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN INI BERLAKU TERHADAP SEMUA RAKYAT BAIK DI SABAH MAHUPUN DI SEMENANJUNG.

+TIDAK ADA PILIH KASIH ATAU MOTIF POLITIK+, TEGAS BELIAU. -- LAGI.

MAHATHIR - USNO 5 KOTA KINABALU R'R'R'

PERDANAMENTERI BERKATA, SISTEM KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) TELAH BERJAYA MEMBAWANEGERA DAN RAKYAT KEPADA KEMAJUAN.

+KONSEP BN ISTIMEWA KERANA TIDAK ADA NEGARA LAIN DI DUNIA INI YANG MENGAMALKAN SISTEM ITU. KERAJAAN CAMPURAN DI NEGARA-NEGARA LAIN DITUBUHKAN HANYA SELEPAS PILIHAN RAYA, SETELAH PARTI-PARTI HENDAPATI TIDAK ADA YANG MENDAPATKAN SOKONGAN YANG CUKUP UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN+.

+MELALUI KONSEP BNPULA, DEMOKRASI TERUS DIAMALKAN DAN RAKYAT BERHAK MEMILIH KERAJAAN YANG MEREKA SUKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TANPA KERJASAMA MELALUI BN, TIDAK ADA PARTI POLITIK YANG DAPAT MEMENANGI KERUSI YANG CUKUP UNTUK HENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUAT DAN STABIL.

DI SABAH DAN SARAWAK JUGA, TIDAK ADA PARTI YANG BOLEH MEMENANGI KERUSI YANG CUKUP UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KECUALI MELALUI KONSEP BN KERAJAAN YANG TEGUH DAPAT TERUS DIKEKALKAN, KATA BELIAU SAMBIL MENINGATKAN BAHAWA KERAJAAN YANG LEMAH AKAN MEMBUAT PIHAK-PIHAK YANG TIDAK PUAS HATI BERANI BERTINDAK MENUMBANGKANNYA.

+AKIBATNYA RAKYAT AKAN KEHILANGAN HAK MEREKA. INI PERLU DIRENUNGKAN DAN DIINGAT OLEH RAKYAT SABAH DAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA DENGAN MENGAMBIL IKTIBAR DARI SEBUAH NEGARA JIRAN+, KATANYA. -- LAGI. 1757MST 18 01 90

U B653 BAH

MAHATHIR - USNO 6 KOTA KINABALU R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PENGHARGAANNYA KEPADA PARTI USNO DAN MERASA BANGGA KERANA PARTI ITU MENGAMALKAN KONSEP BN DAN DEMOKRASS.

BELIAU BANGGA KERANA USNO TIDAK MENGUTAMAKAN SATU KAUM SAHAJA DAN TIDAK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN SATU AGAMA SAHAJA.

+SAYA BERHARAP SIKAP DAN PENDIRIAN USNO ITU AKAN TERUS DIPELIHARA DAN DIKEKALKAN, SUPAYA SEMUA RAKYAT SABAH DAPAT Mencari PERLINDUNGAN DARIPADA PARTI ITU DAN DARIPADA BARISAN NASIONAL+.

UCAPAN PERDANAMENTERI ITU HENDAPAT SAMBUTAN YANG HANGAT DARIPADA PARA PERUAKILAN DAN PENYOKONG USNO DAN DARI RAKYAT YANG BERPELUANG MASUK KE DEUAN ITU UNTUK MENYAMBUK KEDATANGAN BELIAU.

SORAKAN RIUH DAN TEPUKAN GEMURUH YANG MENYOKONG UCAPAN DAN HUJAH BELIAU, TERUTAMA BILA MEHBINCANGKAN MASALAH YANG SEDANG HANGAT DI SABAH, TERUS-HENERUS BERGEMA DI DEUAN.

TERDAHULU DARIPADA ITU, JALAN-JALAN DI SEKELILING KOMPLEKS MUIS PENUH SESAK DENGAN RAKYAT YANG MENYAMBUK KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ROMBONGAN YANG TERMASUK ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITIHASMAL, MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK SERI S. SAMY VELLU, MENTERI PENERANGAN DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT.

UPACARA ITU JUGA DIHADIRI OLEH WAKIL-UAKIL DARIPARTI-PARTI KOMPONEN BN, KECUALI PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG MEMERINTAH DI NEGERI INI. -- BERNAMA.